KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16.11.2021	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	TNB			

Harian Metro | Selasa 16.11.2021 @hmetromy

Bayar bil TNB dengan Boost

Pengguna boleh urus bayaran utiliti guna aplikasi

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penyedia e-dompet tempatan, Boost menyediakan perkhidmatan melihat dan membayar bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) secara terus menerusi aplikasi itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Boost, Sheyantha Abeykoon berkata, pihaknya berbesar hati apabila TNB kini menjadi antara 50 senarai pengebil di aplikasi Boost.

Katanya, Boost sentiasa bekerja keras menjadikan aplikasi itu sebagai keperluan harian penting dengan memberi penyelesaian mudah dan bermakna kepada pengguna.

"Pembayaran bil adalah ciri paling popular di Boost, justeru, kami menyahut permintaan pengguna supaya memasukkan TNB dalam senarai pengebil, sekali gus melengkapkan kategori utiliti utama dalam aplikasi kami.

"Kini, pengguna boleh mengurus dan membayar semua bil utiliti utama mereka dan yang lain dengan mudah dalam satu platform.

"Ini memudahkan lagi dan menambah nilai kepada gaya hidup digital masyarakat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sheyantha berkata, penambahan baharu kepada BoostBills itu memberi manfaat kepada lebih sembilan juta pengguna TNB di Malaysia serta 9.5 juta pengguna Boost.



PENGGUNA Boost yang membayar bil TNB boleh menikmati ganjaran bernilai sehingga RM20.

Menariknya, beliau berkata, mulai sekarang hingga 28 Februari tahun depan, pengguna yang menggunakan Boost untuk membayar bil TNB boleh menikmati ganjaran bernilai sehingga RM20.

Katanya, pulangan tunai RM10 yang pertama dibahagikan kepada RM5 pada setiap satu dalam tempoh dua bulan.

"Pengguna baharu Boost pula mendapat tambahan diskaun segera RM10 melalui *Welcome Pack* apabila mereka mendaftar dengan Boost buat kali pertama.

"Dengan itu, pengguna baharu dapat menikmati potongan berjumlah RM20 daripada bil TNB mereka," katanya.

Sheyantha berkata, Boost turut melancarkan tiga ciri pembayaran bil baharu iaitu *ViewBills*, *AutoBills* dan *MultiBills* yang menawar pengguna solusi tanpa rumit untuk membuat pembayaran.

Katanya, *ViewBills* adalah ciri yang membolehkan pengguna melihat baki bil tertunggak dan tarikh akhir mereka perlu membayar bil secara terus menerusi aplikasi Boost.

"*AutoBills* membolehkan pengguna menetapkan pembayaran berjadual berkala secara automatik, manakala *MultiBills* membolehkan pengguna menggabung dan membayar pelbagai bil sekali gus," katanya.

Oleh itu, katanya, Boost menyarankan kepada pengguna menggunakan *ViewBills* dan *AutoBills* sekali gus apabila membayar bil supaya pengguna dapat menggunakan ciri ini sebaik mungkin.

"Selain itu, ia juga membolehkan pengguna membayar bil tertunggak yang terkini secara automatik mengikut tarikh akhir.

"Dengan menggabungkan ciri ini, ia membuatkan pembayaran bil menjadi satu proses lancar pada setiap bulan.

"Boost turut menyediakan fungsi *Bill Reminder* sebagai peringatan kepada pengguna supaya tidak terlupa membayar bil," katanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh mengikuti saluran media sosial rasmi Boost di Facebook (facebook.com/myboostapp) dan Instagram (instagram.com/myboostapp) atau di laman web, www.myboost.com.my.